

**POLISI DAN PROSEDUR
BADAN KHAIRAT KEMATIAN MASJID AS-SOLIHIN PADANG LUAS (BKKMASPL)**

1. PENDAHULUAN

Badan Khairat Kematian Masjid As-Solihin Padang Luas (BKKMASPL atau "Badan") adalah badan kebajikan yang ditubuhkan oleh Masjid As-Solihin pada 13 Februari 2021 dan mula dilancarkan kepada orang ramai pada 01 April 2021.

2. OBJEKTIF PENUBUHAN BKKMASPL

- a. Menguruskan jenazah ahli atau tanggungan ahli dengan sepenuhnya apabila berlaku kematian.
- b. Menguruskan dana sumbangan orang ramai dengan amanah dan bertanggungjawab.
- c. Menyediakan peluang bersedekah dan meraih pahala menerusi sumbangan yuran dan derma ikhlas.
- d. Menambah dana menerusi aktiviti amal ekonomi/pekerjaan.

3. UNDANG-UNDANG KECIL BKKMASPL

3.1. Kelayakan

Terbuka kepada semua penduduk Islam mukim Masjid As-Solihin (termasuk anak ahli yang bekerja di luar mukim), meliputi JPKK Padang Luas Luar, Padang Luas Dalam, Padang Luas Hilir, Taman Pelagat, dan Paroh/Padang Tapong.

3.2. Maksud Ahli dan Tanggungan Ahli

- a. Ahli adalah orang yang mendaftarkan diri dengan Badan.
- b. Tanggungan bermaksud individu yang berada di bawah tanggungan ahli penuh dari segi nafkah dan kebajikan, tanpa mengambil kira syarat tinggal sebumbung, merangkumi isteri/suami, anak kandung/anak tiri/anak angkat yang sah statusnya yang berumur 21 tahun dan ke bawah (kecuali anak OKU tanpa had umur) serta ibu/bapa/mentua ahli. Anak yang berumur melebihi 21 tahun boleh didaftarkan secara berasingan sebagai ahli penuh (induk).

3.3. Manfaat/Kemudahan

- a. Ahli/tanggungan ahli layak mendapat kemudahan pengurusan jenazah sebaik sahaja mendaftar dengan BKKMASPL jika berlaku kematian. Badan akan menguruskan jenazah dan menanggung segala kosnya.
- b. Ahli/tanggungan ahli layak mendapat manfaat sebanyak RM1,100.00 jika kematian berlaku setelah berpindah keluar mukim dan dikebumikan di luar mukim Masjid As-Solihin Padang Luas. (Lihat Fasal 3.5, 3.6, 3.7.)

3.4. Yuran Tahunan dan Sumbangan/Infaq Sukarela

- a. Yuran tahunan adalah RM40.00 untuk ahli dan RM10.00 untuk setiap tanggungan ahli. (Lihat Fasal 3.2.) Sila bayar kepada Bendahari atau wakilnya, secara tunai atau atas talian berserta bukti pembayaran.
- b. Ahli boleh mendaftar pada mana-mana bulan tetapi keahliannya sah untuk tahun semasa sahaja (tamat 31 Disember tahun pertama). Yuran bagi tahun kedua dan tahun-tahun seterusnya hendaklah dijelaskan selewat-lewatnya pada 31 Disember bagi tahun tersebut. Sekiranya yuran bagi sesuatu tahun itu gagal dijelaskan, keahlian tersebut akan terus sah sehingga 31 Disember tahun berkenaan, tetapi akan luput mulai 1 Januari tahun berikutnya, dan semua manfaat keahlian akan terbatal. Bagi tujuan pembaharuan keahlian, semua tunggakan yuran hendaklah dijelaskan sepenuhnya. (Rujuk Fasal 3.6.)
- c. Ahli pada bila-bila masa boleh membuat infaq ikhlas ke tabung Badan di masjid atau ke akaun bank Badan.

3.5. Ahli Berpindah Mukim Dan Menjelaskan Sumbangan/Infaq

Ahli yang telah menjelaskan yuran tahunan dan berpindah keluar dari mukim Masjid As-Solihin Padang Luas dalam tahun berkenaan layak mendapat manfaat penuh RM1,100.00 sekiranya berlaku kematian di luar.

3.6. Ahli Berpindah Mukim Tetapi TIDAK Menjelaskan Sumbangan/Infaq

Ahli yang tidak menjelaskan yuran tahunan semasa dan berpindah keluar dari mukim Masjid As-Solihin Padang Luas dalam tahun berkenaan, keahliannya luput dan dia tidak layak mendapat manfaat sekiranya berlaku kematian. (Lihat Fasal 3.4b.)

3.7. Ahli Meninggal Dalam Mukim, Dikebumikan Di Luar Mukim Dan Ahli Meninggal Di Luar Mukim, Dikebumikan Di Luar Mukim Juga

Ahli layak mendapat manfaat RM1,100.00 atau lebih tertentu yang akan ditentukan oleh Badan Khairat. (Lihat Fasal 3.4, 3.5, 3.6.)

4. KEMUDAHAN BAGI AHLI BERDAFTAR BKKMASPL

- | | |
|--|--|
| a. Khidmat menggali kubur | f. Pengubuman dan talkin (dalam mukim sahaja) |
| b. Set kain kafan dan long | g. Tahill di Masjid As-Solihin (tanpa makan-minum). |
| c. Khidmat memandikan dan mengafankan jenazah | Bagaimanapun, ahli/waris boleh menyediakan makanan atau mengadakan majlis tahill di rumah dengan perbelanjaan sendiri. |
| d. Solat jenazah di masjid | |
| e. Khidmat van jenazah sehingga 25 km dari mukim | |

Polisi ini boleh berubah pada bila-bila masa mengikut keperluan yang akan diputuskan oleh Badan Khairat.

POLISI TAFSIRAN / KAEDAH PELAKSANAAN BKKMASPL (INTERIM)

Tarikh kuat kuasa: 1 Januari 2026

1.1 Kaedah Naik Taraf Tanggungan kepada Ahli Penuh (Induk)

- Tanggungan yang telah melebihi umur 21 tahun boleh didaftarkan sebagai ahli penuh (induk) selaras dengan Fasal 3.2 Polisi Induk.
- Yuran naik taraf ditetapkan sebanyak RM40.00 sebagai yuran pendaftaran naik taraf sahaja dan tidak menggantikan yuran tahunan ahli.
- Ketetapan ini merupakan kaedah pentadbiran interim.

1.2 Kaedah Pengurusan Keahlian Luput / Tamat

- Ahli yang gagal memperbaharui keahlian mengikut tempoh yang ditetapkan dalam Polisi Induk adalah dianggap keahliannya telah luput / tamat.
- Bagi keahlian yang telah luput / tamat:
 - o keahlian tidak aktif;
 - o semua manfaat keahlian tidak terpakai; dan
 - o pembaharuan hendaklah dibuat sebelum sebarang manfaat boleh dipertimbangkan.
- Bagi tujuan pengaktifan semula, semua tunggakan yuran hendaklah dijelaskan dan tertakluk kepada pengesahan pentadbiran Jawatankuasa BKKMASPL.
- Ketetapan ini merupakan kaedah pentadbiran interim dan bukan pindaan kepada Polisi Induk.

1.3 Promosi Yuran Pembaharuan Keahlian (RM30)

- Yuran pembaharuan bagi ahli penuh (induk) ditetapkan sebanyak RM30.00.
- Tanggungan dikecualikan daripada bayaran yuran.
- Ahli baharu tertakluk kepada yuran biasa iaitu RM40.00 bagi ahli dan RM10.00 bagi tanggungan.
- Tempoh promosi adalah dari 1 Januari 2026 hingga 31 Mac 2026.
- Ketetapan ini merupakan kaedah pelaksanaan sementara dan tidak meminda Polisi Induk.

1.4 Bantuan Kos Pengangkutan Takung Mandian Jenazah

- Bayaran bantuan kos pengangkutan takung mandian jenazah sebanyak RM100.00 boleh dipertimbangkan, tertakluk kepada kelulusan Pengerusi.
- Bantuan ini merupakan bantuan ihsan, bukan bayaran automatik dan bukan

